



## **JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH PEGANGAN KITA**

**Tarikh Dibaca :**

**11 September 2020 / 23 Muharam 1442H**

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Rujukan Fatwa**

**Jabatan Mufti Negeri Pahang**



**Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah Pegangan Kita**  
**11 September 2020 | 23 Muharam 1442H**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرٍ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

اَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِيْهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُّضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

وَأَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُوْلُهُ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

اَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menjadi pegangan sebahagian besar umat Islam di dunia khususnya negara kita Malaysia. Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah memberi maksud golongan yang mengikuti pegangan hidup



Baginda sallallahu alaihi wasallam dan para sahabat terutamanya para Khulafa al-Rasyidin mengenai akidah, syariah dan akhlak. Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah diambil dan dirumus oleh ulama berdasarkan hadis riwayat Imam al-Tarmizi bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَتَفَرَّقَتْ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً. قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya telah berpecah Bani Israil kepada 72 kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada 73 kelompok di mana kesemuanya akan ke neraka kecuali satu kelompok. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah*”. Baginda sallallahu alaihi wasallam menjawab: *Mereka adalah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku.*”

Maksud sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang “*golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku*” itulah golongan yang dikenali dengan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Mereka itu berpegang kepada al-Quran dan Hadis mengikut tafsiran atau pegangan syariatnya (hukum hakam) mengikut salah satu daripada empat mazhab. Sebagaimana negara kita Malaysia mengamalkan hukum hakam mengikut mazhab al Syafie, sementara pegangan akidah pula berpegang kepada aliran yang dibawa oleh al Imam Abu Hassan al-Ash’ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi iaitu mempelajari ilmu tauhid dengan mengenali Sifat Dua Puluh. Maka dengan itu kita tidak boleh mengamalkan sebarang fahaman yang tidak selari dengan manhaj *Ahli Sunnah*



Wal Jamaah sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-  
Ta'ala surah al-An'am ayat 116:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ تَطَّعَ أَكْثَرُ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ يَتَّبِعُونَ

إِلَّا الْأَظْنَ وَإِنَّ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

*Yang bermaksud: “Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.